

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ
UNIVERSITI 1971 (AKTA 30) DIPINDA
MELALUI AKTA PINDAAN 2009**

MAKLUMAT DISEDIAKAN OLEH :

JAWATANKUASA PENGGUBAL AKTA UNIVERSITI DAN
KOLEJ UNIVERSITI (PINDAAN) 2009

&

DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN PENGAJIAN
TINGGI

LATAR BELAKANG KEPADA USAHA MEMINDA AUKU


- Akta Universiti dan Kolej Universiti digubal pada tahun 1971, yakni pada masa/zaman yang disirikan oleh demonstrasi pelajar di seluruh dunia. Pun begitu AUKU tidaklah semata-mata satu reaksi kepada pergolakan pergerakan pelajar; terdapat keperluan yang mendesak untuk mewujudkan satu sistem tadbir urus Universiti yang tersusun sebagai asas kukuh pembangunan pendidikan tinggi negara.

- **Dalam tempoh 37 tahun banyak perubahan telah berlaku.**

Antaranya :


- Malaysia – capai tahap kemajuan yang memberangsangkan – ekonomi, sosial dan politik.
- Masyarakat lebih terpelajar – tuntutan sosial telah meningkat.
- Tahap pengetahuan dan pemakaian ICT meningkat dan budaya mencari ilmu dipermudahkan.
- Komitmen kerajaan menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan di rantau ini.
- Usaha dan komitmen KPT – tingkatkan status IPTA khususnya dalam ranking dunia.
- Ekspektasi masyarakat Malaysia khususnya terhadap Universiti – bukan saja gedung ilmu tetapi sebagai wadah pembangunan insaniah.

- Semua tersebut adalah di antara fakta-fakta yang mendorong pindaan kepada AUKU 1971. [Prof. Dr. Shad Shaleem Faruqi]
- Justeru satu Jawatankuasa dilantik oleh Menteri Pendidikan Tinggi untuk menyemak kembali AUKU.



U T H M

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



MODUS

1. **Perbincangan dan Perundingan dengan pihak berkepentingan.**

- Ahli-ahli Parlimen
- Pegawai-pegawai Kanan KPT
- Pegawai-pegawai Kanan Bahagian Penggubalan Jabatan Peguam Negara
- Pengerusi, Lembaga-lembaga Pengarah Universiti
- Naib-naib Canselor
- Timbalan-timbalan Naib Canselor (HEP)
- Persatuan-persatuan Kakitangan Universiti
- Penasihat-penasihat Undang-undang IPTA
- SUHAKAM
- Majlis-majlis Perwakilan Pelajar

2. Pendekatan

- Terdapat tiga opsi pendekatan
 - 2.1 Pelihara AUKU seperti adanya.
 - 2.2 Mansuhkan keseluruhan AUKU sedia ada dan gantikannya dengan yang baru.
 - 2.3 Pelihara bahagian-bahagian asas AUKU sedia ada dan buat pindaan yang wajar kepada peruntukan yang lapuk dan tidak lagi relevan.
- Jawatankuasa Menteri dengan kebenaran Menteri memilih opsi yang ketiga, yakni 2.3

3. Falsafah Asas Kepada Pindaan AUKU

3.1 PENDEMOKRASIAN

- Penyertaan dan keterlibatan semua pihak yang berkepentingan dalam proses pembikinan keputusan.
- Perluasan hak dan kebebasan pelajar untuk berpersatuan dan bersuara.
- Cara pemilihan Profesor bagi menganggotai Senat (dipilih oleh Prof dan Prof Madya)
- Perluasan takrif 'pelajar' mencakupi pelajar-pelajar pascasiswazah.

3.2 DEVOLUSI KUASA / PENURUNAN

- Untuk membolehkan Universiti
 - bertindak lebih pantas
 - Laksanakan setiap strategi secara cepat dan berkesan
 - Beberapa kuasa yang dulunya terletak kepada YDPA atau Menteri dipindahkan kepada Menteri atau Lembaga Universiti.

3.3 PENGHAPUSAN UNSUR JENYAH DALAM KESALAHAN DISIPLIN

- Sesuai dengan peranan Universiti sebagai institusi untuk mendidik, memupuk siasah dan pekerti mulia
- Sesuai dengan peranannya sebagai pelindung dan *loco parentis* kepada pelajar
- Unsur-unsur jenayah dalam kesalahan disiplin dihapuskan.

3.4 TADBIR URUS YANG TELUS

- Pihak-pihak Berkuasa Universiti yang diberi kuasa atau dipertanggungjawabkan menjalankan sesuatu kuasa diperjelas fungsi dan kedudukannya dalam hirarki Universiti untuk mengelak konflik sesama sendiri.
- Kewujudan Jawatankuasa Pengurusan Universiti diperuntukan secara nyata dan eksplisit.
- Mengadakan mekanisme bukan kehakiman bagi menyelesaikan perselisihan di antara PBU atau di anatar pekerja Universiti.
- Akur kepada prinsip pengasingan kuasa dan *check and balance*

3.5 KETELUSAN DAN KEADILAN PROSEDUR DISIPLIN, LANTIKAN, KENAIKAN PANGKAT DAN PEMBAHARUAN

- Rayuan kepada Lembaga Pengarah bagi urusan lantikan, pembaharuan dan kenaikan pangkat.

3.6 HAK ASASI TERHADAP PENDIDIKAN

- Tahanan Pencegahan – pelajar tidak hilang status sebagai pelajar – pendidikan boleh diteruskan
- Jika tidak disabitkan dengan kesalahan yang dituduh, hak untuk kembali ke Universiti ditegaskan
- Jika digantung boleh diterima masuk ke institusi lain.

3.7 DASAR INCLUSION

4. PINDAAN DIGOLONGKAN KEPADA TIGA DOMAIN ASAS

(Pindaan kepada Akta termasuk pindaan kepada jadual)

- 4.1 GOVERNANS/TADBIR URUS
- 4.2 PEKERJA
- 4.3 PELAJAR



4.1 TADBIR URUS

4.1.1. LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

* Seksyen 13(1) – Perluasan Keanggotaan – 11 orang ahli;

- Pengerusi, Naib Canselor, 2 orang daripada perkhidmatan awam (atau ahli silih ganti), seorang wakil masyarakat setempat, seorang Profesor dipilih dari kalangan 20 Profesor yang dipilih ke Senat mengikut Seksyen 17(d).
- Lima orang – 3 daripada swasta, seorang wakil alumni, seorang daripada dalam atau luar Universiti (yang pada pendapat Menteri boleh menyumbang).
- TNC, Pendaftar, Bendahari dan Penasihat Undang-Undang adalah ahli *ex-officio* – tidak boleh mengundi
 - tak terkira sebagai korum
- Seksyen 14 – Pendaftar – Setiausaha Lembaga
- Korum – Pengerusi dan 4 ahli lain (dulu 3 ahli lain)
- Seksyen 15 – Ketiadaan Pengerusi – Naib Canselor tak boleh jadi Pengerusi

Seksyen 16 – Kuasa dan Fungsi Lembaga Pengarah

- Memperjelaskan dan menerapkan ruang lingkup kuasa lembaga; (baca bersama seksyen 4 dan 4A)
 - (1) Lembaga badan yang mengelola, membuat dasar dan mengawasi Universiti

Hubungan dengan kuasa Senat dijelaskan

- (2) Tiada ketetapan boleh diluluskan oleh Lembaga berhubung apa-apa perkara dalam kuasa senar – tetapi Lembaga boleh menghantar pendapat kepada Senat bagi pertimbangan Senat. (Ini berbeza dengan yang asal di mana Lembaga boleh membuat ketetapan mengenai perkara-perkara di bawah bidang kuasa Senat terlebih dahulu diberi peluang mencatatkan dan menghantar ulasannya kepada Lembaga.

Tambahan, lima kuasa dan fungsi dengan memasukkan sub-seksyen baru ke dalam seksyen 16, yakni sub-seksyen (3) yang mengatakan:

- a) Perancangan pengawasan strategik bersirikan pendidikan dan misi Universiti
- b) Menggalakkan pengurusan yang cekap
- c) Membangunkan hubungan dengan masyarakat, sektor korporat dan industri
- d) Memupuk hubungan global dan pengantarabangsaan
- e) Memastikan pelaksanaan dan kepatuhan kepada Perlembagaan, Undang-Undang dan dasar Universiti.

Jawatankuasa Lembaga – seksyen 16A (baru)

- Boleh ditubuhkan apa-apa jawatankuasa untuk membantunya melaksanakan fungsinya.
- Dipengerusikan oleh seorang ahli Lembaga.
- Keanggotaan terbuka kepada sesiapa yang dilantik oleh Lembaga bagi tempoh yang ditetapkan/boleh dilantik semula.
- Dibayar elaun dan belanja lain.

Senat

- Seksyen 17 : Cara dan kelayakan keahlian diubah. Kuasa akademik ditetapkan dan dijamin
- Keahlian : Ketua Kampus kini dinyatakan sebagai ahli Senat (perenggan (c) dipinda)
- “tidak lebih daripada 20 orang profesor yang dipilih bagi tempoh tiga tahun oleh semua profesor sepenuh masa dan profesor madya Universiti” – perenggan (d) yang baru.
- Satu perenggan baru, yakni (e) mewajibkan Naib Canselor mengko-opt tidak lebih daripada 5 orang selama 3 tahun.


Jemputan Hadir

- Sub-seksyen (1A) untuk membolehkan Senat menjemput mana-mana orang, termasuk pelajar menghadiri mesyuarat Senat.
- Sub-seksyen baru (IC) : Pendaftar, Bendahari, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-undang- menjadi ahli *ex-officio*, tanpa hak mengundi

Penetapan Perluasan Bidang Kuasa

Sub-seksyen baru (2A) diadakan :

- a) Penubuhan Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademik dan Institut, jabatan, unit atau badan di bawah Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademik dan Institut (lihat bersama seksyen 18)
- b) Dengan keizinan lembaga, memberikan ijazah kehormat
- c) Membentuk dasar dan kaedah pengajaran, pelajaran, peperiksaan, penyelidikan, biasiswa dan latihan.
- d) Memastikan standard pendidikan

- 
- (e) Menentukan kebolehlaksanaan cadangan kurikulum atau kursus.
 - (f) Mengawal selia perjalanan peperiksaan/penilaian pengesahan keputusan peperiksaan/penilaian dan rayuan.
 - (g) Menggubal dasar kebebasan akademik dan kecemerlangan profesional.
 - (h) Melakukan segala perkara yang suai manfaat atau perlu bagi atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

Hubungan dengan Lembaga

- Mengelak dan menyelesaikan konflik. (CAR)
(Conflict avoidance and resolution)
- Empat peruntukan baru, yakni :
 - i. Seksyen 17(4) – Senat hendaklah pertimbangan apa-apa perkara yang dihantar oleh Lembaga di bawah seksyen 16(3).
 - ii. Seksyen 17(5) – Pertikaian antara Senat dengan Lembaga mengenai bidang kuasa boleh dirujuk oleh salah satu pihak kepada Menteri mengikut seksyen 24A.
 - iii. Seksyen 26(3) – Cadangan bagi statut baru pindaan statut mengenai perkara dalam bidang kuasa Senat tidak boleh dikemukakan kepada Canselor tanpa keizinan bertulis Senat.
 - iv. 16(2) dan 28(2) mengenai perubahan Kaedah.

Naib Canselor

- Pelantikan, kedudukan dalam hirarki tadbir urus, kuasa dan fungsi dipinda bertujuan pemantapan sesuai dengan falsafah asas pindaan.
- Pelantikan ; Lantikan oleh Menteri yang hendaklah melantik suatu jawatankuasa untuk menasihatinya (dimasukkan seksyen 4A kepada Akta dan selepas berunding dengan Lembaga sub-seksyen (1) yang baru kepada seksyen 9 Jadual.
- Kedudukan : (1) Naib Canselor hendaklah bertindak di bawah kuasa dan arahan Lembaga dan Senat. (Sub-seksyen baru S.9(1A))

Kuasa Naib Canselor

- i. Lantikan Dekan dan Timbalan Dekan setelah berunding dengan kakitangan akademik Fakulti DAN Lembaga dimaklumkan mengenainya secepat mungkin.
- ii. Lantikan Ketua, Sekolah, Pusat Akademik dan Institut juga selepas berunding dengan kakitangan sekolah etc. TETAPI tidak perlu maklum kepada Lembaga.
- iii. Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Pelajar (S.21 (baru)).
- iv. Sebagai pihak berkuasa tata tertib pelajar. Banyak budibicara dan ada kuasa Menteri dipindahkan kepada Naib Canselor. Boleh mewakili kuasa tata tertibnya (16B(3)).
- v. Hak dibawa berunding.
- vi. Kuasa pengawasan dipindahkan kepada Lembaga-seksyen 9(4) dimansuh (kuasa asal diberi kepada Naib Canselor).

Kampus Cawangan

- Kewujudan kampus cawangan dan kedudukan, lantikan, gelaran dan fungsi Ketua Kampus dinyatakan.
- Seksyen 12 Akta dipinda dan diganti: Menteri diberi kuasa membuat “Perintah Kampus” bagi penubuhan suatu Kampus (termasuk kampus cawangan) dalam atau luar Malaysia ; selepas berunding dengan Lembaga / disiarkan dalam Warta Kuasa untuk meminda, mengubah dan membatalkan.
- Seksyen 9A yang baharu: Ketua Kampus Cawangan
 - (i) Jika ada kampus cawangan maka wajib ada Ketua Kampus Cawangan (atau apa jua nama/gelaran)
 - (ii) Tempoh/syarat perkhidmatan ditetapkan oleh Menteri (setelah berunding dengan Naib Canselor).
 - (iii) KKC pegawai eksekutif, pegawai pentadbiran dan pegawai akademik utama Kampus Cawangan.
 - (iv) di bawah arahan Naib Canselor.

Jawatankuasa-Jawatankuasa Tetap (PBU)

- Jawatankuasa Pengajian (seksyen 19)
- Jawatankuasa Pemilih (dipinda) (seksyen 20)
- Jawatankuasa Pengurusan Universiti (baharu) (Seksyen 17A)
- Jawatankuasa Kebajikan Pekerja (baharu) (Seksyen 20A)
- Jawatankuasa Kebajikan Pelajar (Seksyen 21 dipinda)
- Jawatankuasa Tetap Kewangan (ditubuh oleh Lembaga)

Jawatankuasa Pengurusan Universiti

- Buat pertama kali kewujudan, fungsi dan keanggotaan dinyatakan dengan jelas – Seksyen baharu 17A
- Keanggotaan :
 - Naib Canselor (sebagai pengerusi)
 - Semua TNC
 - Pendaftar
 - Bendahari
 - Penasihat Undang-Undang
 - dan mana-mana pegawai lain yang dilantik oleh Naib Canselor (perlu mendapat Persetujuan Lembaga)fungsi : menasihati Naib Canselor

Jawatankuasa Pemilih Seksyen 20

- Diperjelaskan kuasa Jawatankuasa Pemilihan.
- Dijadikan pihak berkuasa Univetsiti (Seksyen 12).
- Untuk pemilihan selain Kerusi, Jawatankuasa Pemilih bagi jawatan lain dipengerusikan oleh TNC akademik.
- (bagi Jawatan Kerusi, profesor kanan, profesor dan pegawai-pegawai utama dalam seksyen 10 – Naib Canselor sebagai Pengerusi.)

Jawatankuasa Kebajikan Pekerja

- Seksyen 20A
 - (i) Buat pertama kali dijadikan PBU
 - (ii) Dipengerusikan seorang ahli Lembaga
 - (iv) Naib Canselor, Pendaftar, Bendahari dan seorang daripada setiap kesatuan pekerja berdaftar

Kuasa ditetapkan oleh Statut


Jawatankuasa Pelajar

- Jawatankuasa Kebajikan Pelajar sedia ada dikekalkan tetapi keanggotaannya dipinda.
 - Naib Canselor sebagai Pengerusi
 - 2 orang dipilih oleh MPP
 - seorang ahli dilantik oleh Lembaga
(dahulunya tidak jelas siapa yang menaja jadi Pengerusi dan bilangan ahli dan kuasa penubuhan oleh Lembaga tetapi kini secara berkanun)

Pegawai-Pegawai Baharu

- (i) Ketua Kampus (Seksyen 19A)
- (ii) Penasihat Undang-Undang (Seksyen 10)

(Pindaan kepada Seksyen 2 mengenai takrif “Pegawai”)



4.2 KEBAJIKAN PEKERJA

Perkara-perkara mengenai kebajikan pekerja dipertingkatkan.

- (i) Keahlian dalam Jawatankuasa Kebajikan Pekerja.
- (ii) Hak untuk merayu jika terkilang dengan sesuatu keputusan PBU dalam urusan lantikan dan kenaikan pangkat. Seksyen 4(1)(m) diganti dengan yang baharu.
- (iii) Dibawa berunding dalam lantikan Dekan dan Ketua Sekolah, Fakulti, Timbalan Dekan, Pusat etc.
- (iv) Diberi hak memilih wakil (Profesor) ke Senat.
- (v) Kuasa Lembaga terhadap disiplin dan peruntukan disiplin.

4.2 KEBAJIKAN PELAJAR

- Perkara-perkara mengenai kepentingan dan kebajikan pelajar adalah di antara yang paling sensitif.
- Pindaan dan perubahan adalah ke arah perluasan hak pelajar dan pemantapan kebajikan pelajar.

Perubahan-perubahan

- Kesalahan di bawah Akta (dahulunya adalah kesalahan jenayah) kini – kesalahan tata tertib sahaja.
- Perluasan hak berpersatuan.
- Perluasan hak bersuara.
- Hak terhadap pendidikan terjamin.
- Hak untuk didengar.
- Hak untuk diwakili dalam perbicaraan tata tertib.
- Hak untuk diberitahu alasan keputusan tata tertib, secara bertulis dalam tempoh ditetapkan.
- Hak untuk merayu dan mendapat keputusan rayuan dalam masa ditetapkan.
- Perluasan dan penjelasan takrif “pelajar” memperluaskan hak mengundi.

Seksyen 15 (yang baharu) Hak Berpersatuan

- (1) Seseorang pelajar Universiti boleh menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang, dalam/luar Universiti, dalam atau luar Malaysia, kecuali :
 - (a) mana-mana parti politik, dalam atau luar negara.
 - (b) mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, dalam atau luar Malaysia.
 - (c) mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh Menteri, selepas berunding dengan Lembaga dan diberitahu secara bertulis kepada Naib Canselor sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti.

- Pertubuhan, badan dan kumpulan Pelajar yang ditubuhkan di bawah Perlembagaan turut diberi hak yang sama dan tertakluk kepada sekatan yang sama.

- Selepas Menteri menyatakan/menamakan kepada Naib cancellor pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang tidak ditetapkan beliau sebagai tidak sesuai adalah menjadi tanggungjawab Naib Cancellor untuk menyampaikan kepada pelajar, atau pertubuhan pelajar berkenaan.
- Pengecualian : Naib Cancellor boleh, atas permohonan pelajar, mengecualikan pelajar itu daripada peruntukan 15(1)(a).
 - contoh : ahli politik menjadi pelajar.

Hak Bersuara

- Seksyen 15(5)
- Pelajar /pertubuhan pelajar tidak boleh melakukan/menyatakan apa-apa jua yang boleh semunasabahnya ditafsir sebagai menyatakan sokongan/simpaty atau bangkangan terhadap 3 kategori badan yang disebut dalam seksyen 15(1)(a)(b) & (c)
- Peruntukan dahulu : “yang boleh ditafsir” kini perlu dinilai dari sudut munasabah maka tidak “*arbitrary*”
- Namun pelajar tidak boleh dihalang membuat (Seksyen 15(6) (dimasukkan melalui pindaan)
 - (a) pernyataan mengenai perkara akademik berkaitan pengajian dan penyelidikannya.
 - (b) menyatakan sendiri mengenai perkara (a) di atas dalam sesuatu seminar, simposium atau majlis seumpamanya yang tidak ditaja oleh tiga badan yang disebut dalam seksyen 15(1)(a)(b)(c).
- Pelanggaran peruntukan-peruntukan seksyen 15 boleh dikenakan tindakan tatatertib – jika pelajar (dahulu adalah kesalahan boleh didenda <RM1,000/penjara <6 bulan) jika badan pelajar- diuruskan mengikut seksyen 16 (gantung / bubar).

Kutipan Wang

- Seksyen 15A Akta
 - (i) Larangan dikekalkan
 - (ii) Pelanggaran dahulunya (dahulu adalah kesalahan boleh didenda <RM1,000/penjara <6 bulan) kini kesalahan tata tertib (pindaan sub-seksyen 2)
 - (iii) kuasa untuk mengecualikan mana-mana orang daripada larangan seksyen 15A(1) dipindahkan daripada Menteri kepada Naib Canselor (pindaan sub-seksyen 4 menjadi tidak perlu dan dimansuh- dulu perwakilan kuasa daripada Menteri ke Naib Canselor)

Tanggungjawab Badan Pelajar

- Seksyen 15B dahulu menyebut “Tanggungjawab Jenayah” dimansuh dan diganti dengan lebih adil
- Seksyen 15B baharu:
 - Jika kesalahan boleh daftar dilakukan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan kesalahan itu dilakukan atau berupa dilakukan disabitkan atas kesalahan itu boleh dikenakan tindakan tatatertib dan badan pelajar diurus mengikut seksyen 16.

Pelajar yang Dituduh atas Kesalahan Boleh Daftar

- (Seksyen 15D dahulu diganti dengan yang baharu) lebih adil terhadap kepentingan pelajar.
- (1) Pelajar dituduh atas kesalahan boleh daftar
- 15D(1)(a) – dia boleh digantung daripada menjadi seorang pelajar – budibicara Naib Canselor
- 15D(1)(b) – jika digantung – dia tidak boleh berada atau memasuki Kampus, selagi prosiding jenayah belum selesai.
- 15D(2) – jika sabit kealahan dia boleh dikenakan tindakan tatatertib.
- Tahanan Pencegahan – pelajar yang dikenakan pencegahan boleh dikenakan tindakan tatatertib

Hak Pendidikan Dipelihara

- Seksyen 15D(4), (5), (6), (7), (8)
- Pelajar yang dikenakan tahanan pencegahan atau dipenjara, boleh dengan persetujuan Senat, menduduki peperiksaan Universiti tertakluk kepada apa-apa perintah pihak berkuasa berwajib.
- Pelajar yang digantung di bawah sub-seksyen (1) boleh diterima masuk ke mana-mana Universiti yang ditubuh di bawah Akta ini dengan kelulusan bertulis Menteri dan syarat-syarat dikenakan oleh Menteri.
- Pelajar yang terhenti menjadi pelajar di bawah Akta ini turut boleh diterima masuk ke Universiti lain.
- Pelajar yang dituduh didapati tidak bersalah jika digantung/atau menjalani tempoh penjara boleh menyambung pengajarannya – tempoh pergantungan/penjara tidak diambil kira dalam pengiraan tempoh maksimum pengajian dan keputusannya.
- Peruntukan yang sama bagi pelajar yang dikenakan tahanan pencegahan.
- (jika dulu pelajar apabila digantung tidak boleh masuk Kampus / diterima menjadi pelajar di Universiti lain, jadi satu kesalahan denda <RM1,000 atau penjara <6 bulan)

Kuasa Naib Canselor Menggantung/Membubar Badan/Pertubuhan Pelajar

- Seksyen 16 baharu : 16(1) dan (2)
- Naib Canselor boleh menggantung/membubar sesuatu badan pelajar yang didapati menggugat atau mengancam ketenteraman pelajar, pekerja dan Kampus tetapi selepas memberi badan pelajar itu peluang yang membuat representasi bertulis.
- Badan yang terkilang boleh dalam tempoh 14 hari dari tarikh penggantungan / pembubaran itu merayu secara berulis kepada Menteri (ini tidak ada dalam Akta asal)

Kuasa dan Prosedur Tatatertib

Seksyen 16B asal dipinda

1. Naib Canselor kekal sebagai kuasa tatatertib pelajar.
2. Naib Canselor boleh mewakilkan fungsi, kewajipan dan kuasa tatatertibnya kepada mana-mana TNC, pekerja Universiti atau Jawatankuasa Pekerja Universiti.
3. Naib Canselor atau wakilnya hendaklah maklum secara bertulis alasan hukuman dicadangkan da pelajar diberi peluang munasabah untuk didengar.
4. Pelajar berhak diwakili oleh seorang pekerja atau pekerja atau pelajar lain Universiti.
5. Pelajar berhak membuat representasi bertulis.
6. Keputusan prosiding tatatertib diberikan kepada pelajar secara bertulis dalam masa 14 hari dari tarikh keputusan.
7. Pelajar terkilan boleh merayu dalam masa 14 hari dari tarikh penerimaan keputusan kepada Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar.

Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar

- Ditubuhkan oleh Lembaga – ahli dilantik oleh Lembaga.
 - (i) 2 orang ahli dari kalangan ahli Lembaga (seorang daripadanya menjadi Pengerusi)
 - (ii) seorang daripada Universiti (bukan Naib – Canselor atau orang yang kepadanya Naib Canselor telah mewakili kuasa tatatertib)
 - (iii) mesti memastikan rayuan dalam masa 30 hari dari tarikh menerima rayuan
 - (iv) memberi tahu kepada pelajar secara bertulis dalam masa 14 hari dari tarikh keputusan.
 - Pelajar yang merayu
 - * berhak diwakili oleh pekerja atau pelajar lain Universiti.
 - * berhak membuat representasi bertulis.

Kaedah Tatatertib Seksyen 16C (Dipinda) (Kuasa Lembaga)

- Perubahan : Penggantungan semasa prosiding berjalan/belum selesai
Kaedah – boleh memasukkan hukuman pembuangan pelajar daripada Universiti. Kaedah hendaklah menetapkan tatacara prosiding tatatertib dan prosiding rayuan.

Tadbir Urus Luaran


- Yang di-Pertuan Agong (Seksyen 6 Akta)
- Kuasa YDPA membuat perintah perbadanan untuk menubuh sesebuah Universiti dikekalkan. Tetapi sub-seksyen (1A) ditambah untuk membolehkan pindaan, pengubahan dan pembatalan perintah tersebut.
- Kuasa menubuh Kampus dipindah kepada Menteri (pindaan seksyen 12 Akta) – dulu kuasa YDPA


Menteri

- Menubuhkan Kampus Universiti dalam atau luar negara
- Kuasa membuat Perintah Kampus/berunding dengan Lembaga diwartakan – seksyen 12 (baharu)
- Boleh meminda, mengubah dan membatalkan Perintah Kampus itu (selepas berunding dengan Lembaga?)
- Melantik Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Ketua Kampus Cawangan, Ahli-ahli Lembaga
- Memutuskan pertikaian di antara Pihak Berkuasa Universiti / pertikaian Pegawai dengan Pihak Berkuasa –seksyen 24A
- Panel Penyelesaian Pertikaian – dianggotai oleh orang ternama dalam atau luar negara (seorang pengerusi/2 ahli)


Akta Undang-Undang Unggul Dalam Penubuhan Universiti

- Tiada sesuatu institusi pengajian tinggi boleh ditubuhkan dengan nama-nama Universiti kecuali jika ianya ditubuhkan di bawah Akta ini atau Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta.






Tadbir urus Luaran




Tadbir Urus Dalaman



U T H M

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



TAMAT